



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 16 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Emphasis Should Be On Quality, Not Quantity</b>  <a href="https://thesun.my/opinion-news/emphasis-should-be-on-quality-not-quantity-GN12867405#google_vignette">https://thesun.my/opinion-news/emphasis-should-be-on-quality-not-quantity-GN12867405#google_vignette</a>	The Sun	Neutral
2.	<b>Bayi Masih Bertali Pusat Ditemui Dalam Besen Berhampiran Tong Sampah</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680315/berita/semasa/bayi-masih-bertali-pusat-ditemui-dalam-besen-berhampiran-tong-sampah">https://www.sinarharian.com.my/article/680315/berita/semasa/bayi-masih-bertali-pusat-ditemui-dalam-besen-berhampiran-tong-sampah</a>  <a href="https://www.sinardaily.my/article/220482/focus/national/newborn-baby-found-in-basin-near-garbage-bin#google_vignette">https://www.sinardaily.my/article/220482/focus/national/newborn-baby-found-in-basin-near-garbage-bin#google_vignette</a>  <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-ditemui-dalam-besen-tepi-tong-sampah/">https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-ditemui-dalam-besen-tepi-tong-sampah/</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/715710">https://www.malaysiakini.com/news/715710</a>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/15/bayi-perempuan-bertali-pusat-dijumpai-dalam-besen/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/15/bayi-perempuan-bertali-pusat-dijumpai-dalam-besen/</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122992/bayi-baru-lahir-ditinggalkan-dalam-besen-tepi-tong-sampah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122992/bayi-baru-lahir-ditinggalkan-dalam-besen-tepi-tong-sampah</a>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1285188/bayi-baru-lahir-ditemukan-dalam-besen-berhampiran-bengkel-motosikal">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1285188/bayi-baru-lahir-ditemukan-dalam-besen-berhampiran-bengkel-motosikal</a>	Sinar Harian  Sinar Daily  Buletin TV3  Malaysia Kini  Kosmo  Harian Metro  Berita Harian	Neutral

	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/bayi-baru-dilahirkan-dijumpai-dekat-tong-sampah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/bayi-baru-dilahirkan-dijumpai-dekat-tong-sampah/</a>  <a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/15/bayi-perempuan-bertali-pusat-ditemui-belakang-tong-sampah/">https://malaysiagazette.com/2024/08/15/bayi-perempuan-bertali-pusat-ditemui-belakang-tong-sampah/</a>	Utusan  Malaysia Gazette	
3.	<b>JKM Sabah Cari Ibu Kandung, Waris Marlinah</b>  <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/15/jkm-sabah-cari-ibu-kandung-waris-marlinah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/15/jkm-sabah-cari-ibu-kandung-waris-marlinah</a>	Utusan Borneo	Neutral
4.	<b>Operasi Roboh 62 Setinggal Demi Kesejahteraan</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1123011/operasi-roboh-62-setinggal-demi-kesejahteraan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1123011/operasi-roboh-62-setinggal-demi-kesejahteraan</a>	Harian Metro	Neutral
5.	<b>Kesalahan Seksual Libat Kanak-Kanak Meningkat</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/15/kesalahan-seksual-libat-kanak-kanak-meningkat/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/15/kesalahan-seksual-libat-kanak-kanak-meningkat/</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122978/kesalahan-seksual-kanak-kanak-di-media-sosial-meningkat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122978/kesalahan-seksual-kanak-kanak-di-media-sosial-meningkat</a>	Kosmo  Harian Metro	Neutral
6.	<b>Suri Rumah Dilaporkan Hilang, Ditemui Mati Dengan Kesan Jerutan Di Leher</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680333/berita/semasa/suri-rumah-dilaporkan-hilang-ditemui-mati-dengan-kesan-jerutan-di-leher">https://www.sinarharian.com.my/article/680333/berita/semasa/suri-rumah-dilaporkan-hilang-ditemui-mati-dengan-kesan-jerutan-di-leher</a>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suri-rumah-dilaporkan-hilang-ditemui-mati-dibunuh-dalam-bilik-483615">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suri-rumah-dilaporkan-hilang-ditemui-mati-dibunuh-dalam-bilik-483615</a>	Sinar Harian  Astro Awani	Neutral
7	<b>Warga Emas 4 Hari Terperangkap Diselamatkn APM</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122962/warga-emas-4-hari-terperangkap-diselamatkn-apm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122962/warga-emas-4-hari-terperangkap-diselamatkn-apm</a>	Harian Metro	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## EMPHASIS SHOULD BE ON QUALITY, NOT QUANTITY



*Minister of Women,  
Family and Community Development (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri. - BERNAMApix*

**MINISTER** for Women, Family and Community Development Nancy Shukri recently said: “The population of Malaysia is currently nearly 34 million people, and therefore, it is important for us to increase the birth rate.”

She has urged young Malaysians to marry and have children. Nancy also emphasised that men should play their part in addressing this issue.

She encouraged men to take the matter seriously and cooperate with their partners in the effort to start families.

Marriage is not for everyone. It represents a commitment, surpassing dating and cohabitation. It is a personal choice and should be approached with sincerity and purity.

People usually marry out of love or strong personal motivation, and not to have children as if on a production line. Some are happy to stay single.

The minister also said in March that “a total of 509 baby dumping cases were reported between 2018 and February this year”. Given this, should our focus be on increasing the number of babies if some are likely to end up being abandoned?

Population growth also impacts climate change. More people leads to higher fuel consumption and greater food production, which in turn drives more deforestation as land is cleared for agriculture.

The reduction in tree numbers will diminish their capacity to counteract carbon emissions, leading to a rise in temperatures.

As the cost of living continues to rise, times are becoming increasingly difficult for many. Despite being a minority, Indians in the country represent the largest community in detention.

I asked an ex-detainee why he resorted to crime and he said: "I tried to get a job but could not find one. So, I was forced to commit a crime to cari makan".

Moreover, with the growing presence of artificial intelligence on the horizon, more of our workforce may be rendered jobless, thus compounding the problem.

Our health services are already bursting at the seams. Recently a news headline read "Temerloh Hospital's staff shortage pushes doctors to breaking point" as they struggle to attend to hundreds of patients waiting in line for hours. This scenario is typical across public hospitals in the country. Do we need to add more babies to the chaos?"

In the world of manufacturing, few innovations have been as transformative as the assembly line, a concept famously attributed to Ford and his automotive industry.

Applying this idea to producing babies on a factory line is robotic and neither appropriate nor desirable. The focus should be on quality, not quantity.

## **BAYI MASIH BERTALI PUSAT DITEMUI DALAM BESEN BERHAMPIRAN TONG SAMPAH**



Seorang bayi perempuan yang masih bertali pusat dipercayai baru dilahirkan ditemui di dalam sebuah besen berhampiran tong sampah di Pekan Titi Serong, Parit Buntar pada Rabu.

IPOH - Seorang bayi perempuan yang masih bertali pusat dipercayai baru dilahirkan ditemui di dalam sebuah besen diletakkan berhampiran tong sampah di Pekan Titi Serong, Parit Buntar pada Rabu.

Ketua Polis Perak, Datuk Azizi Mat Aris berkata, bayi malang tersebut ditemui dua lelaki selepas mendengar tangisan ketika melalui jalan tersebut kira-kira jam 4.50 petang.

Menurutnya, lelaki berkenaan kemudiannya membawa bayi tersebut ke Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebelum laporan polis dibuat.

"Siasatan di tempat kejadian mendapati lokasi tersebut merupakan kawasan Pekan Titi Serong dan berhampiran jalan utama.

"Terdapat dua tong sampah hijau diletakkan di bahu jalan dan bayi yang dijumpai diletakkan di belakang tong sampah tersebut.

"Berdasarkan penelitian, bayi tersebut dipercayai dalam keadaan tidak sihat dengan berat 2.1kg.

"Terdapat kesan kuning pada dahi bayi tersebut dan tangan kecut mungkin disebabkan kesejukan," katanya kepada pemberita ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini pada Khamis.

Azizi berkata, bayi tersebut telah dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut dan status sebenar kesihatan bayi berkenaan belum dapat dipastikan.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, siasatan sedang dijalankan dengan meneliti rakam kamera litar tertutup (CCTV) yang terdapat di kedai-kedai berhampiran lokasi kejadian.

Menurutnya, pihak polis akan turut merakam percakapan saksi-saksi dan melancarkan pengesanan melalui kaedah-kaedah saintifik genetik untuk menentukan pemilik bayi tersebut.

Azizi berkata, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

## **JKM SABAH CARI IBU KANDUNG, WARIS MARLINAH**



KESAN: Ibu kandung atau waris kepada Marlinah diminta hadir ke Pejabat Kebajikan Daerah Beluran.

KOTA KINABALU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sabah sedang mengesan ibu kandung atau waris kepada seorang kanak-kanak perempuan kini berumur tujuh tahun yang ditinggalkan ibu kandungnya kepada seorang wanita, pada 19 Oktober 2017 lalu.

Kanak-kanak perempuan yang dikenali sebagai Marlinah Abdullah ditinggalkan oleh ibu kandungnya dikenali sebagai Roaini kepada Jalma@Alus Awang Jalil ketika Marlinah berumur setahun di gerai sayur di Pekan Beluran.

Marlinah dirujuk kepada Pelindung Kanak-Kanak Pejabat Perkhidmatan Kebajikan Am Beluran pada 19 Mac 2024 oleh Jalma dan suaminya berhubung satu kes penjagaan seorang kanak-kanak yang kini sedang berada di dalam jagaan mereka sejak Marlinah berumur satu tahun.

Kenyataan rasmi laman sosial Facebook JKM Sabah hari ini berkata, berdasarkan kepada maklumat daripada pengadu iaitu Jalma, wanita dikenali sebagai Roaini datang ke gerai sayur milik Jalma di No 4 Pekan Beluran, kira-kira 9 pagi, 19 Oktober 2017 lalu.

Katanya, Roaini meninggalkan anak perempuannya iaitu Marlinah buat sementara waktu.

Beliau bagaimanapun berkata, sehingga tarikh laporan polis dibuat Jalma iaitu pada 2 Oktober 2019, ibu mahupun waris kepada Marlinah tidak pernah datang menuntut anaknya.

"Jalma sudah cuba untuk menghubungi nombor telefon bimbit yang ditinggalkan oleh Roaini namun gagal.

"Marlinah kini ditempatkan sementara dalam jagaan Jalma dan Muhammad Ismail melalui Perintah Jagaan Sementara mengikut SubSeksyen 19(2) Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan 2016)," katanya.

Sehubungan itu, pihaknya memohon mana-mana pihak yang mengenali ibu kandung atau waris kepada Marlinah untuk hadir ke Pejabat Kebajikan Daerah Beluran.

"Orang ramai juga boleh menghubungi Pelindung Kanak-Kanak Pejabat Kebajikan Daerah Beluran, Mohd Hafiz Ahmad di talian 089-518301 (0).

"Ini bagi membantu jabatan mengesan ibu kandung atau waris dan seterusnya membuat keputusan terbaik bagi penempatan dan Kebajikan Marlinah," katanya.

## **KESALAHAN SEKSUAL LIBAT KANAK-KANAK MENINGKAT**

PETALING JAYA – Kes kesalahan seksual membabitkan kanak-kanak menerusi media sosial meningkat kepada 525 kes tahun lalu berbanding 360 kes pada 2022.

Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching berkata, statistik tersebut diperolehi daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ujarnya, bagi bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, sebanyak 288 kes kesalahan seksual membabitkan kanak-kanak menerusi media sosial telah dilaporkan.

“Apa yang lebih mengejutkan, 94 peratus remaja di negara ini yang berusia 12 hingga 17 tahun berada dalam talian dan keselamatan mereka pada zaman digital hari ini perlu menjadi kebimbangan utama.

“Ini kerana kanak-kanak di Malaysia semakin terdedah kepada penderaan seksual dalam talian, eksploitasi dan pelbagai pengalaman yang berbahaya,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Nie Ching berkata, kes judi dalam talian turut mencatatkan peningkatan daripada 18,814 pada tahun 2023 kepada 62,403 untuk kira-kira tujuh bulan pertama tahun ini.

Jelasnya, sebanyak 24,453 kandungan penipuan dalam talian atau ‘scammer’ sudah dibuang dalam tempoh berkenaan tahun ini berbanding hanya 6,297 pada tahun lalu.

“Malangnya jumlah jenayah siber terus meningkat walaupun kita terbabit dengan platform media sosial.

“Untuk itu, Kementerian Komunikasi menerusi SKMM bakal melancarkan Kempen Kesedaran Dalam Talian peringkat kebangsaan.

“Inisiatif itu untuk mendidik masyarakat terhadap penggunaan internet yang lebih bertanggungjawab, positif dan produktif,” katanya. – KOSMO! ONLINE